

07 SEP 2000

Mahathir-IAP/I

DR MAHATHIR PENGERUSIKAN MESYUARAT KEEMPAT PANEL MSC

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat keempat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini.

Sesi mesyuarat secara tertutup itu berlangsung di ibu pejabat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di bandar raya pintar ini, selepas acara bergambar beramai-ramai.

Perbincangan terbuka diadakan selepas Dr Mahathir membuat ulasan selaku pengerusinya.

Ini diikuti taklimat oleh Pengerusi MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang juga Setiausaha IAP, mengenai perkembangan terbaru MSC, kawasan seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Antara 29 anggota IAP yang menghadiri mesyuarat itu ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Acer Group Datuk Dr Stan Shih, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc. Bob Bishop dan Pengerusi Fujitsu Ltd Tadashi Sekizawa.

Dalam tempoh dua hari akan datang Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan secara perseorangan dengan anggota IAP, yang terdiri daripada pemimpin teknologi maklumat (IT) yang dijemput khas untuk berkongsi idea dan nasihat mengenai projek MSC.

Bersempena dengan mesyuarat IAP itu, satu persidangan kemuncak perniagaan selama dua hari yang dinamakan Persidangan Kemuncak Perniagaan Multimedia MSC-IAP 2000 akan diadakan mulai esok.

Persidangan kemuncak kedua itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Acara kemuncak mesyuarat IAP itu ialah pelancaran studio Entertainment Village (E-Village) di Dengkil, di pinggir Cyberjaya petang esok.

Projek E-Village adalah dayausaha sektor swasta yang disokong oleh MDC untuk membangunkan kemudahan studio untuk penerbitan dan pasca penerbitan filem, televisyen dan multimedia bertaraf dunia.

Satu ekspo selama tiga hari akan diadakan di Pusat Ekspo dan Pameran Mines di Seri Kembangan, dekat Kuala Lumpur, dan akan dirasmikan oleh Dr Mahathir pada pagi esok.

-- BERNAMA

TM MFJ RYN NMO